

# Ekonomi terus mantap

UM-30/5/2007

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 29 Mei - Ekonomi negara dijangka terus berkembang serta mampu mencatat kadar pertumbuhan enam peratus bagi tahun ini dan momentum ini dijangka berterusan sehingga 2008, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, sebahagian pertumbuhan itu hasil pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menampakkan kesan positif ke atas kegiatan pembinaan dan perdagangan dalam negeri.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh dan mapan.

Abdullah berkata, prestasi ekonomi Malaysia terus menggalakkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan kukuh pada kadar 5.9 peratus untuk 2006.

Perangkaan terkini pula, katanya, menun-

**Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh dan mapan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

## ■ Lagi berita Konsultasi Bajet 2008 - Muka 2

jukkan kegiatan ekonomi negara terus menggalakkan berdasarkan beberapa petunjuk ekonomi utama seperti sektor pembinaan mengekalkan trend pertumbuhan positif sejak suku keempat 2006.

"Sementara harga komoditi terus kukuh dengan harga minyak sawit berada pada paras 2,529 ringgit setan metrik pada 25 Mei lalu manakala harga getah berada pada paras RM7.80 sekilogram.

"Sentimen pelabur di Bursa Malaysia juga semakin kukuh dengan indeks komposit Kuala Lumpur mencatat paras tertinggi da-

lam tempoh 13 tahun kepada 1,367 mata pada 22 Mei lalu," katanya pada Majlis Konsultasi Bajet 2008 di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kedudukan nilai tukaran asing bagi ringgit bertambah kukuh, dengan peningkatan 12 peratus sejak pemanusan langkah tambatan ringgit pada 21 Julai 2005.

Menurutnya, negara juga mencatat lebihan imbalan dagangan selama 113 bulan berturut-turut sejak November hingga Mac lalu, manakala rizab antarabangsa negara

terus meningkat kepada RM326.5 bilion atau AS\$82.2 bilion pada akhir 2006.

"Walaupun prestasi ekonomi negara berada pada tahap yang baik, namun kita masih terdedah kepada risiko di peringkat antara-bangsa yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Antaranya ialah kemungkinan prestasi ekonomi Amerika Syarikat (AS) menjadi lebih perlahan daripada yang dijangkakan, kemungkinan sentimen pasaran kewangan menjadi tidak menentu serta kemungkinan terjadi tekanan inflasi," katanya.

Abdullah turut menambah bahawa sumber pertumbuhan ekonomi dan pelaburan perlu dipelbagaikan dengan mencipta peluang baru dalam negara serta meneroka potensi perniagaan dan pelaburan di peringkat global.

Mekanisme pemantauan juga, katanya perlu dimantapkan supaya program atau projek dapat dilaksanakan dengan efisien dan dalam masa yang sama budaya penyelenggaraan yang baik juga mesti diamalkan.